



## DHL Express perluas portfolio runcit

Kuala Lumpur: DHL Express memperluas operasi Malaysia dengan ServicePoint mudah alih baharu di samping menjalankan kerjasama dengan Parcel365 yang akan menjadi rakan kongsi penghantaran antarabangsa eksklusifnya.

Menurut penyedia logistik itu, langkah terkini tersebut akan meningkatkan capaian rangkaian tempatannya yang luas merangkumi 146 cawangan runcit dan ServicePoint dalam membantu perniagaan memanfaatkan pasaran global.

Pelanggan boleh jumpa terus bagi menyerahkan bungkusan untuk dihantar ke destinasi Malaysia serta mana-mana 220 negara dan wilayah yang mempunyai perkhidmatan DHL Express, jelasnya dalam kenyataan pada Rabu.

"ServicePoint mudah alih itu kini berada di Mont Kiara dan akan kekal di sana sehingga akhir Mac sebelum memberikan perkhidmatan di bandar-bandar di Lembah Klang," tambahnya.

Sementara itu, DHL Express menjelaskan perkongsian dengan Parcel365 memanfaatkan teknologi penyimpanan inovatif untuk melengkapkan pelanggan dengan kemudahan dan keselamatan serahan tanpa sentuh dan ambil sendiri.

"Lokar pintar Parcel365 membolehkan pelanggan mendapatkan dokumen dan bungkusan pada bila-bila masa sepanjang hari serta menyerahkan bungkusan untuk penghantaran ke luar negara melalui DHL Express.

"Ia menempatkan 74 lokar di pejabat dan kediaman bertenaga di seluruh Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Johor, dan Sabah, dengan rancangan untuk menambahkan lagi bilangannya kepada 300 pada separuh pertama 2022," menurutnya.

DHL Express menambah, langkah peluasan itu diputuskan pihaknya apabila **Jabatan Perangkaan Malaysia** melaporkan transaksi e-dagang pada suku kedua 2021 melonjak lebih 36 peratus berbanding tahun sebelumnya.

<https://www.hmetro.com.my/bisnes/2022/02/810948/dhl-express-perluas-portfolio-runcit>